

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 DECEMBER 2016

# Cita-cita Tun M hanya mahu anaknyanya jadi PM

BH - 10/12/2016

**Kuala Lumpur:** Keengganan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tunduk kepada desakan Tun Dr Mahathir Mohamad terutama selepas anaknya, Datuk Seri Mukhriz ditolak akar umbi dalam pemilihan lalu, menyebabkan bekas Perdana Menteri itu merancang menumbangkan Presiden UMNO melalui rampasan kuasa politik.

Bagaimanapun, Naib Ketua Pemuda UMNO, Senator Khairul Azwan Harun berkata, tindakan Dr Mahathir itu dapat dibaca dan digagalkan.

Beliau berkata, cita-cita Dr Mahathir hanya satu iaitu bagi memastikan Mukhriz menjadi Perdana Menteri.

### Gagal peralat UMNO

“Apabila gagal memeralatkan UMNO bagi menjadikan Mukhriz sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir sanggup berbuat apa saja termasuk bersekutu dengan DAP.

“Kita hanya perlu tunggu dan lihat saja apa yang akan berlaku apabila mereka ini (DAP) enggan menaikkan Mukhriz sebagai calon Perdana Menteri,” katanya mene-

rusi kenyataan, semalam.

Khairul Azwan berkata, kepemimpinan dan akar umbi UMNO bersepakat untuk meletakkan kepentingan parti serta rakyat dengan menolak agenda politik Dr Mahathir itu.

“Najib yang enggan menjadi tebusan politik Dr Mahathir kini dihentam teruk kerana mendahulukan kepentingan rakyat dan parti.

“Namun, lihatlah nanti setakat mana pakatan bersama DAP ini yang hanya berasaskan kepentingan politik dapat bertahan,” katanya.